

# Kekal toleransi agama, kekang ekstremisme

Umat Islam perlu dalam 3 cabang ilmu, elak tindakan persenda agama lain

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar ctf@bh.com.my

Mutakhir ini, isu mempersenda agama dan kaum menjadi 'permainan' berbahaya netizen serta warga media sosial yang semakin menjadi-jadi.

Gejala itu kian membarah dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini hingga dibimbangi boleh mencetuskan suasana tegang yang mampu menggugat keamanan negara.

Hakikatnya, Islam sebagai agama penerus rahmat tidak pernah mengajar penganutnya mempersenda agama lain apatah lagi bertindak balas secara melampau meskipun terhadap provokasi pihak tertentu yang mempunyai agenda buruk.

Islam sebagai agama bersifat sejagat, mementingkan toleransi dan menerima hakikat berbilang agama, sekali gus mewajarkan penganut agama lain menghormati umat Islam demi keharmonian bersama.

Allah SWT berfirman: "Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Haiyi kamu agama kamu, dan bagiku agama-mu." (Al-Kafirun: 1-6)

Felo Kanan Bersekutu Institut

Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Mohd Hizam Hanafiah, berkata isu berkaitan sentimen agama dan kaum semakin banyak boleh mencetuskan tindakan luar jangka, termasuk aktiviti jenayah bersifat lone wolf atau bersendirian.

Beliau mengakui gejala itu sudah lama berlaku, tetapi menyifatkannya semakin buruk dengan kedatangan media baharu hingga cacian terhadap agama dan kaum kian berleluasa di media sosial.

"Mereka menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter untuk menyebarkan kebencian, penghinaan dan provokasi agama.

"Ia amat membimbangkan kerana mendorong munculnya gerakan lone wolf secara senyap yang mampu bertindak di luar jangka," katanya kepada *THE* di sini.

Dalam konteks tajiran keganasan dan jenayah, gerakan lone wolf paling berbahaya kerana pelaku bertindak sendiri.

Mereka menjadi radikal atau diradikalkan melalui bucaan, ton-tonan dan perbincangan menerusi platform media sosial serta internet.

Mohd Hizam menasihatkan umat Islam supaya tidak bertindak terburu-buru dalam mendeponi isu provokasi agama yang akhirnya membawa mudarat kepada individu dan mencalar imej Islam sebagai agama rahmat.

"Umat Islam dinasihat supaya tidak mengambil tindakan sendiri untuk menghukum mereka yang melakukan provokasi agama, sebaliknya menyerahkannya kepada polis atau mengikut saluran undang-undang.

Tindakan lone wolf wajib dibendung kerana mampu meresapi dan mendorong sesapa sahaja, termasuk umat Islam.

Berdasarkan insiden di seluruh dunia, golongan itu sukar dikenal

pasti, termasuk ahli keluarga terdapat seperti isteri dan anak yang tidak mengetahui kelakuan seseorang yang terdorong menjadi lone wolf.

Beliau mengingatkan umat Islam supaya tidak menukarkan naratif salah terhadap tindakan jenayah atau keganasan, termasuk melabelkan mati syahid kepada golongan yang memerangi bukan Muslim dengan cara salah.

"Meninggalkan naratif salah dengan meletakkan seseorang Muslim sebagai 'syahid' dengan aktiviti jenayah atau keganasan adalah tidak wajar.

"Ia seolah-olah menggalak atau menyokong umat Islam yang lain supaya mengikut jejak langkah sama," katanya.

Bagaimanapun, Mohd Hizam mengingatkan istilah lone wolf tidak boleh digunakan secara khusus dalam konteks umat Islam.

Insiden seperti tragedi tembakan di dua masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac lalu, dilakukan penganas kulit putih yang mengorbankan ramai umat Islam.

Beliau berkata, kebanyakan pelaku ekstremisme adalah orang yang mudah dipengaruhi pemikiran dan emosi serta jahil agama. Mengikut rekod, sebanyak 25 rancangan serangan keganasan dipatahkan polis di negara ini termasuk yang bergerak secara kumpulan atau lone wolf.

"Bagaimanapun, insiden yang gagal dipatahkan ialah kes pengeboman kelab malam *Movida* di Puchong pada 28 Jun 2016 dipercayai mempunyai kaitan kumpulan penganas Daesh," katanya.

Mohd Hizam berkata, gerakan ekstremisme Islam di negara ini berlaku dalam dua fasa, iaitu sekitar 1967 hingga 2000 yang lebih terarah kepada tema seperti ajaran kebatinan, jihad, menumbangkan kerajaan, mewujudkan Negara Islam dan Imam Mahdi.

"Bagaimanapun, pasca 2000 menunjukkan ia masih mengelakan tema jihad, menumbangkan kerajaan, mewujudkan negara Islam atau sistem khalifah dan menunggu Imam Mahdi.

"Namun, ia didominasi ideologi Salafi-Wahhabi-Takfiri-Jihadi dipelopori Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Jemaah Islamiyah (JI), Darul Islam Sabah serta Al-Qaeda Malaysia sebelum munculnya Daesh.

"Doktrin Tauhid Uluhiyah, Tauhid Hakimiyyah, Al-Wala' Wal Bara' dan Takfiri menjadi inti pati gerakan ini pasca 2000 hingga kini," katanya.

Beliau menegaskan pengaruh ekstremis perlu diatasi dengan cara mendalami agama dengan berguru kepada ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) atau secara bertalaqi.

"Agama tidak boleh didalami dengan hanya merujuk internet dan media sosial kerana kebanyakan yang terjebak dengan gejala itu adalah dalam kalangan orang yang jahil agama tetapi merasakan boleh mengambil tindakan sendiri," katanya.

Beliau berkata, Islam bukan agama keganasan, sebaliknya aman damai, sejahtera dan sederhana, selain membawa rahmat bukan saja kepada penganutnya, bahkan penganut agama lain.

"Justeru, untuk membenteng diri daripada terjebak dalam gerakan seumpama ini, umat Islam perlu mendalami tiga cabang ilmu penting, iaitu tauhid, fiqh dan tasawuf, selain mencontohi Rasulullah SAW.

"Selain itu, peranan penting perlu dimainkan institusi keluarga, kejrangan, persatuan penduduk, karikh surau dan masjid serta organisasi kerja," katanya.

Semua institusi sosial itu bertanggungjawab memberikan kefahaman dan kesedaran mengenai kesederhanaan dalam Islam



**Pengaruh ekstremis perlu diatasi dengan cara mendalami agama dengan berguru kepada ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah atau secara bertalaqi. Agama tidak boleh didalami dengan hanya merujuk internet, media sosial kerana kebanyakan yang terjebak dengan gejala itu adalah dalam kalangan orang yang jahil agama tetapi merasakan boleh ambil tindakan sendiri.**

Mohd Hizam Hanafiah, Felo Kanan Bersekutu Institut Islam Hadhari UKM

mengikut ASWJ.

Ia juga perlu menyedarkan semua pihak bahawa perbuatan menggugat ketenteraman awam hanya akan menyusahkan semua, sedangkan keamanan dan keselamatan ialah keperluan asasi dalam Islam.

"Bagaimanapun, usaha membendung ekstremisme agama bukan hanya peranan umat Islam, bahkan penganut agama lain.

"Mereka juga perlu bersama memelihara keamanan dengan bertoleransi, mengelak mencampuri urusan agama Islam dan menyentuh isu sensitif berkaitan agama untuk membendung konflik daripada merebak," katanya.



Pengaruh ekstremis perlu diatasi dengan cara mendalami agama dengan berguru kepada ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah atau secara bertalaqi.